

SSS Cipta Sejarah Buat Siaran Langsung Malaysia Memilih 2013 dengan Astro Awani

Oleh : Rosli Sareya

KHAMIS, 2 MEI - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Sains Sosial (SSS), hari ini telah mengadakan siaran secara langsung Malaysia Memilih 2013 sempena Pilihanraya Umum Kali ke-13.

Siaran berlangsung dari 2 hingga 6 Mei 2013 yang dilaksanakan hasil kerjasama daripada pihak Astro Awani bertempat di Studio TV Sekolah Sains Sosial. Ia bertujuan untuk

membincangkan tentang isu-isu berkaitan pilihanraya pada kali ini.

Antara yang terlibat adalah pihak Astro Awani, para pensyarah Sekolah Sains Sosial, UMS selaku panel, kakitangan, tenaga kerja Audio Video Sekolah Sains Sosial dan dibantu oleh beberapa orang pelajar program Komunikasi Jalur Kewartawanan dan Penyiaran Tahun 3. Sepanjang

tempoh tersebut masyarakat disajikan dengan isu-isu terkini yang lebih memfokuskan tentang Pilihanraya Umum Ke-13.

Program seperti ini turut memberi ruang kepada para pelajar Universiti Malaysia Sabah khususnya pelajar program Komunikasi untuk mengendalikan program secara direct broadcast di channel 501 ASTRO AWANI, disamping memberikan pengalaman dengan pelajar dari aspek siaran langsung.

Menurut Haji Nazri Kahar iaitu pengacara agenda Awani, "kerjasama antara pihak ASTRO AWANI dan Sekolah Sains Sosial, UMS akan berterusan dengan memberi ruangan pula kepada Kabinet Negeri Sabah yang baharu, untuk diketengahkan kepada masyarakat menerusi rakaman di Studio TV Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah dalam masa terdekat.